

Manifesto Pakatan Rakyat Selangor



**MENERUSKAN
KECEMERLANGAN**



selangor  ***rku***

Manifesto Pakatan Rakyat Selangor bagi Pilihan Raya Umum Ke-13, Tahun 2013

“MENERUSKAN KECEMERLANGAN”


Pada 8 Mac 2008, majoriti pengundi telah memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk menubuhkan kerajaan negeri di Selangor dan mentadbir urus kesemua sumber negeri ini bagi manfaat lebih lima juta orang penduduk pelbagai kaum.

Dalam tempoh lima tahun sahaja, kerajaan Pakatan Rakyat berjaya memperkukuhkan kewangan negeri Selangor dan menyalurkan kembali lebihan dana kepada rakyat. Perkara yang jelas, warga Selangor kini sedang menikmati kehidupan di bawah pentadbiran sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan bertanggungjawab. Namun, kejayaan dalam tempoh lima tahun pertama itu adalah suatu permulaan sahaja dan manifesto yang dipersembahkan ini merupakan ikrar Pakatan Rakyat untuk menempa kejayaan bersama seterusnya lantas menjadikan Selangor sebagai negeri pilihan utama untuk didiami, bekerja, melabur dan membina keluarga.

Kami mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat kerana sokongan selama ini dan sekali lagi kami mengharapkan mandat untuk mengekalkan kerajaan Pakatan Rakyat demi kesejahteraan kita semua serta kemakmuran negeri Selangor Darul Ehsan.




TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
Pengerusi Pakatan Rakyat Selangor



TERESA KOK
Pengerusi DAP Selangor



DR RANI OSMAN
Pesuruhjaya PAS Selangor



MOHAMED AZMIN ALI
Pengerusi PKR Selangor

EKONOMI RAKYAT



Berkat ditadbir urus kerajaan Pakatan Rakyat, dalam tempoh lima tahun sahaja negeri Selangor berjaya mencatatkan rizab negeri tertinggi dalam tempoh 28 tahun pada akhir tahun 2012, melebihi RM2.62 bilion berbanding RM1.2 bilion pada Disember 2007. Dalam tempoh itu juga, Selangor berjaya menarik pelaburan menjangkau RM50 bilion dengan memberikan lebih 123,000 peluang pekerjaan.

Kerajaan Pakatan Rakyat telah melancarkan geran Selangorku bernilai RM300 juta untuk membantu membiayai golongan anak muda menceburi bidang keusahawanan, membiayai program-program pendidikan tambahan, transformasi daripada menerima bantuan kepada bekerja, membasmi rasuah, membiayai usaha memberdaya golongan wanita, dan membiayai pelaksanaan gaji minimum RM1,500 sebulan bagi pekerja syarikat milik kerajaan negeri.

Dengan pencapaian tersebut, Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia juga diiktiraf sebagai negeri yang paling memuaskan pengurusan ekonominya dalam laporan tahunan Ketua Audit Negara. Seterusnya, sejajar dengan falsafah dan tradisi Pakatan Rakyat bahawa ekonomi adalah milik rakyat, maka kami menawarkan komitmen berikut:

Air Bersih - Hak Asasi Rakyat

- Melindungi hak rakyat Selangor untuk mendapatkan air bersih pada harga yang berpatutan menerusi penstrukturan semula industri air:
- Membuka peluang kepada rakyat Selangor memiliki saham air Selangor.

Apabila penstrukturan semula syarikat-syarikat industri air berjaya maka seluruh rakyat Selangor akan berpeluang memegang saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat air milik Kerajaan Negeri. Ini bermakna hak air dipegang secara amanah oleh Kerajaan Negeri bagi pihak rakyat. Mulai saat itu nanti rakyat Selangor adalah pemilik sebenar air di negeri ini.” - Dato’ Menteri Besar Selangor, YAB Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim.

Perumahan - Tempat Kediaman untuk Semua

- Memperuntukkan RM100 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Kerajaan Negeri yang bertujuan merangka dasar perumahan secara menyeluruh khususnya bagi menyediakan rumah mampu milik yang bermutu serta menguruskan projek-projek perumahan lain yang mengutamakan tahap kemampuan rakyat untuk membeli.
- Menambah perumahan mampu sewa di bandar-bandar raya dan bandar-bandar bagi keluarga yang tidak mampu memiliki rumah persendirian.
- Membina Rumah Mampu Milik dengan keluasan minimum 800 kaki persegi, berharga di bawah RM150,000 seunit.
- Mewujudkan Skim Perumahan Rakyat bagi pembeli yang menghadapi kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan, dengan cadangan peruntukan berjumlah RM250 juta atau RM50 juta setahun.

Keusahawanan dan Inovasi - Semua Rakyat Selangor Mendapat Peluang

- Menubuhkan Perbadanan Keusahawanan Negeri Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pendidikan dan latihan keusahawanan.
- Mewujudkan dana khas bagi melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat ke arah usaha meningkatkan kelayakan akademik dan menambah baik kemahiran golongan rakyat yang memerlukan. Sebanyak 5% daripada rizab negeri akan digunakan untuk membiayai program-program ini setiap tahun.
- Membina kiosk dan gerai bagi peniaga kecil sebagai usaha menggalak dan mendidik pengusaha persendirian membuang tabiat menyewa.

Pengangkutan Awam bagi Lembah Klang

- Memastikan perlaksanaan pembinaan projek Jambatan Ketiga Klang yang bernilai RM300juta
- Membina Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu di Shah Alam, ibu negeri Selangor.
- Menyediakan pengangkutan awam percuma dan mesra pengguna, termasuk perkhidmatan bas, di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang dan Kajang.
- Menyediakan lorong berbasikal bagi kawasan perumahan baharu di lokasi terpilih.



Pemilikan Tanah

- Meningkatkan kecekapan memproses urusan pemilikan tanah dan meneruskan tawaran bagi Pemilikan Geran Tanah Persendirian kepada pemohon yang layak, termasuk mereka yang sudah menghuni di kediaman persendirian dalam tempoh lebih 12 tahun.
- Memajukan Tanah Rizab Melayu dengan lebih tersusun bagi meningkatkan nilai dan dalam masa yang sama melindungi hak dan keistimewaan komuniti Melayu.
- Meneruskan kerja Badan Bertindak Tanah Orang Asal Selangor (BBTOAS) untuk melindungi tanah adat Orang Asal.

Pembangunan Pertanian

- Memajukan tanah pertanian secara bersepadu.
- Mengganda pendapatan petani, penternak dan nelayan dengan cara mempertingkatkan dan memodenkan industri-industri pertanian, penternakan dan perikanan.

Hab Halal

- Menubuhkan sebuah "Hab Halal" di peringkat negeri, termasuk mengeluarkan Pensijilan Halal Negeri Selangor.

Perlindungan Alam Sekitar

- Memperketat undang-undang berkaitan dengan pembangunan di lereng bukit.
- Mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap perlindungan alam sekitar.
- Memperhebat usaha untuk menanam semula dan melindungi kawasan hutan negeri sebagai kawasan utama tadahan air dan jelapang hijau.
- Meneruskan usaha untuk membersihkan sungai tertentu, dan membangunkan taman-taman di tebing sungai bagi kegunaan orang awam.
- Mempromosi teknologi hijau di semua peringkat pentadbiran awam di samping menggalakkan usaha untuk memerangi perubahan iklim dan memastikan negeri Selangor bebas tenaga nuklear.



KESEJAHTERAAN RAKYAT



Pakatan Rakyat berusaha dengan gigih untuk menguruskan aset-aset negeri sebagaimana diamanahkan oleh rakyat, dan menggunakan semua sumber negeri secara berhemat dan berhemah bagi kebajikan golongan rakyat yang memerlukan pembelaan atau bantuan. Menggunakan sumber ini, Kerajaan Pakatan Rakyat komited untuk menjaga hak pekerja dalam memperoleh gaji yang setimpal termasuk menggalakkan penubuhan kesatuan sekerja atas tujuan menjamin maruah golongan pekerja.

Dalam tempoh lima tahun yang berlalu, dasar “Merakyatkan Ekonomi Selangor” berjaya melaksanakan sembilan program kepada golongan rakyat Selangor yang memerlukan bantuan, meliputi bayi dan warga usia emas, anak pekerja ladang, golongan kelainan upaya dan mangsa dera rumah tangga.

Lebih RM862.5 juta telah memanfaatkan sekitar 1.6 juta rumah penduduk Selangor. Oleh itu, dengan sikap bertanggungjawab dan komited terhadap dasar-dasar membantu rakyat, maka Pakatan Rakyat akan berusaha lebih gigih lagi untuk membantu meringankan beban rakyat dalam tempoh lima seterusnya, kerana sebagai kerajaan yang prihatin, Pakatan Rakyat dalam penggal keduanya nanti bertekad untuk bekerja tanpa jemu bagi mensejahterakan rakyat Selangor menerusi dasar-dasar yang berikut:

Pemberdayaan Wanita

- Memperuntukkan RM50juta untuk Tabung Pemberdayaan Wanita Selangor dengan tujuan menyediakan prasarana baik bagi meningkatkan mutu kehidupan wanita dari segi kewangan, taraf hidup serta keselamatan.
- Pemeriksaan percuma kanser payu dara dan rahim bagi wanita di samping meneruskan pemeriksaan mammogram percuma yang disediakan sebelum ini.
- Meluas dan melebarkan dua Skim Mikrokredit yang sedia ada (Skimsel dan



Mimbar] dalam kalangan belia dan wanita, dengan tumpuan khusus kepada ibu tunggal.

- Memastikan agar semua bangunan kerajaan menyediakan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun

Keselamatan

- Mengusahakan dan memperluaskan “Polis Komuniti” yang dibiayai kerajaan negeri.
- Menambah jumlah pegawai penguatkuasa di majlis tempatan bagi melakukan rondaan di kawasan kejiranan.
- Menambah lampu dan CCTV di kawasan majlis tempatan.

Penjagaan Kesihatan

- Pemeriksaan percuma kanser testis dan prostat bagi lelaki.
- Menubuhkan Tabung Dialisis Rakyat Selangor bernilai RM10 juta bagi bangunan dan subsidi rawatan.

Orang Kelainan Upaya

- Memastikan supaya semua kemudahan awam dan tempat ibadat adalah mesra pengguna bagi orang kelainan upaya.
- Menyediakan dan melaksanakan Skim Khas bagi memperkasa golongan orang kelainan upaya.

Bantuan Pendidikan

- Anak yang Ibu bapanya berpendapatan sehingga RM3,000 kini adalah layak untuk mendapat RM1,000 Hadiah Masuk Universiti.



PERSAUDARAAN RAKYAT MENERUSI AKTIVITI KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN



Di bawah Pakatan Rakyat, peruntukan dana negeri bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebudayaan semua kaum, khususnya program-program silaturrahim dalam keluarga dan komuniti, terbukti memberikan kesan positif dalam hal meningkatkan kesedaran beragama kepada individu dalam setiap kaum di samping meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama-agama kaum lain.

Oleh itu, Pakatan Rakyat mahu terus memberi bantuan dana kepada pertubuhan-pertubuhan keagamaan - bagi merapatkan hubungan kekeluargaan sesama mereka di samping memberi kefahaman terhadap agama kaum-kaum lain, dan bantuan dana ini juga diberikan kepada institusi pendidikan yang menyokong atau bekerja menjayakan program-program dalam bidang-bidang berikut:

Agama

- Meluluskan pembinaan tiga Kompleks Islam Bersepadu meliputi sebuah masjid, pusat pendidikan dan pusat komuniti (bagi permohonan masjid baharu).
- Menyediakan kawasan tanah bagi semua rumah ibadat (masjid, kuil, tokong, gereja), perkuburan dan rumah pembakaran mayat.

Pendidikan

- Melancarkan biasiswa Menteri Besar bagi pelajar ijazah lanjutan dengan bon Kerajaan Negeri sebagai usaha membentuk sebuah Bank Pemikir Negeri Selangor (Selangor Brain Bank).
- Menambah jumlah Ma'ahad Integrasi Tahfiz Sains dan menubuhkan sebuah KAFA Menengah, di samping menaik taraf kemudahan yang sedia ada.

- Menambah elaun bagi memastikan warga kerja sekolah agama mendapat gaji minimum RM1,500 sebulan di samping memperbanyakkan aktiviti pengajaran yang setimpal dengan gaji
- Menyediakan kawasan tanah bagi pembinaan bangunan sekolah agama rakyat, SJK(C) dan SJK(T) di samping menaik taraf infrastruktur yang sedia ada.
- Menyediakan bantuan tambahan sebanyak RM2 juta setahun kepada sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan.

Pembangunan Keluarga

- Memberi wang tunai RM500 kepada pasangan yang melangsungkan perkahwinan kali pertama.
- Memastikan agar semua bangunan kerajaan menyediakan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun.
- Meneruskan program Skim Mesra Usia Emas, memberi wang hadiah harijadi bernilai RM100 pada hari lahir yang ke-60.

Pembangunan Kebudayaan

- Membina 3 Pusat Kebudayaan di tebing Sungai Klang bagi komuniti Melayu, India dan Cina di Klang dengan dibiayai kerajaan negeri dan swasta.



KERAJAAN RAKYAT



Di bawah Pakatan Rakyat, Selangor merupakan negeri pertama di Malaysia meluluskan Pindaan Kebebasan Maklumat yang membolehkan orang ramai mencapai maklumat berkaitan kerajaan negeri. Ketelusan turut diperluas dengan pengisytiharan harta oleh Menteri Besar dan setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan pembentukan Jawatankuasa Khas bagi Kecekapan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT). Dasar-dasar yang mencirikan kerajaan rakyat Selangor ini, akan diteruskan oleh Pakatan Rakyat bagi mentadbir urus negeri Selangor pada penggal kedua kelak.

- Melaksanakan dasar menurunkan kuasa secara berperingkat menerusi pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.
- Mempertingkatkan peranan Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui pelbagai cara, termasuk Pindaan Akta Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor.

* Manifesto ini perlu dibaca bersama manifesto Pakatan Harapan Rakyat di peringkat nasional.



Meneruskan Kecemerlangan

